


PONDOK utama Tok Janggut di Langgar, Kedah yang menjadi antara lokasi Hussein menuntut ilmu.



MAKAM Diraja Langgar bersebelahan Pondok

Sumbangan Melayu Kampar dalam pengajian agama di Kedah

Pondok Hussein pelopor sistem persekolahan lebih tersusun



Hussein Salleh

maan sebenarnya sudah terpahat sejak sekian lama dalam diri mereka kerana di Bangkinang pada sekitar abad ke-17, ada seorang guru dari Maghribi, Syed Syeikh Omar sudah menetap di situ mengembangkan agama Islam.

“Bermula dari itu, anak cucu Syeikh Omar meneruskan pengembangan agama, khususnya di Bangkinang sekali gus menjadikan orang Kampar di kawasan itu begitu kuat dalam soal dakwah. Malah, keluarga Salleh juga ada belajar dengan keturunan Syeikh Omar.

“Selepas beberapa tahun menuntut di Pondok Tok Janggut, Hussein dihantar pula ke Makkah untuk lebih mendalami ilmu keagamaan. Kepulangannya ke Langgar pada 1923 membuka hatinya untuk membuka sekolah pondok berhampiran kawasan Pondok Tok Janggut.

“Pada awalnya, agak sukar proses itu dimulakan kerana tiada model atau contoh sekolah pondok oleh orang Kampar di Kedah. Atas sebab itu, Hussein meminta adiknya, Omar kembali ke Bangkinang untuk melihat bagaimana sistem pondok di sana digerakkan.

“Berdasarkan contoh di Bangkinang, Hussein memulakan sistem pondok di Langgar yang menggunakan kaedah pe-

ngajian kitab secara bersila. Beliau sendiri menjadi gurunya, tetapi pada awalnya menumpang di Pondok Tok Janggut. Ia mencetuskan konflik kerana pada masa sama, Tok Janggut masih mengajar dan ada penuntut sendiri,” katanya.

Bagi mengelakkan konflik berpanjangan, Hussein mendapatkan bantuan orang ramai yang menderma untuk mendirikan pondok baru atas nama Pondok Tuan Guru Hussein, tidak jauh dari Pondok Tok Janggut, iaitu di kawasan bersebelahan Makam Diraja Langgar.

Konflik antara dua pondok itu rupanya tidak berhenti di situ kerana pada 1955, berlaku pula percanggahan dalam fahaman politik yang sekali gus menyebabkan pengurusan dua pondok itu terus bergerak bersendirian. Pada ketika itulah Pondok Hussein dilihat lebih maju, sesuai dengan sifat orang Kampar yang sentiasa mahu meningkatkan potensi masyarakat mereka.

“Orang Kampar antara yang awal guna kereta di kawasan ini. Ia menunjukkan masyarakat Kampar lebih cepat maju berbanding orang sekeliling mereka, termasuk orang tempatan.

“Perpecahan akibat politik itu menyebabkan sedikit salah faham antara dua mereka. Namun, atas kesungguhan dan semangat yang kuat, Pondok Hussein mampu bertahan lama. Boleh dikatakan, pondok inilah yang paling lambat berhenti operasinya. Pondok Tok Janggut lebih awal kehilangan penuntut, berbanding Pondok Hussein yang bertahan sehingga awal 1990-an.

“Keluarga Salleh memang hebat dalam memperkembangkan sistem pondok. Adik Hussein, Omar pun buka pondok di Jitra, Kedah. Mereka adik beradik mempunyai kredibiliti yang tinggi.

“Pondok Hussein berjaya mencetus sistem pendidikan formal di Kedah. Hussein mewujudkan Sekolah Agama Raudhatul Ulum di Langgar yang merubah sistem pondok kepada sistem persekolahan formal. Ia dikatakan antara yang pertama di Kedah. Namun, disebabkan sekolah itu

Siri keempat

MEREKA mungkin bukan pencetus sistem pengajian pondok di Kedah, apatah lagi di negara ini, tetapi kemunculan mereka merancakkan lagi sistem pengajian agama di negeri Jelapang Padi itu, malah menyumbang kepada kewujudan sistem persekolahan rasmi yang lebih tersusun.

Orang Melayu Kampar, walaupun lebih banyak dikaitkan dengan aktiviti perniagaan dan pertanian, di Kedah, mereka lebih terkenal sebagai pengembang dakwah menerusi sistem pengajian pondok, bermula dengan Pondok Haji Hussein di Langgar, Kedah selepas ia diasaskan seorang Kampar dari Muara Uai, Bangkinang, Datuk Hussein Salleh.


Tokoh agama terkemuka di Kedah itu pada awalnya dibawa berhijrah ke negara ini oleh ayahnya, bersama kakaknya, Mariam dan adiknya, Omar. Pada awalnya kemasukan keluarga Salleh untuk berniaga, tetapi mengambil keputusan menempatkan anaknya di Pondok Tok Janggut, berhampiran Makam Diraja Langgar untuk menimba ilmu keagamaan.

Ketika itu, di Langgar memang sudah terkenal dengan Pondok Tok Janggut dan ia bertepatan dengan minat Salleh untuk memastikan resam keluarga mereka diteruskan. Sejak sekian lama, orang Kampar memang kuat pegangan agamanya, ditambah dengan tarikan yang ada di Langgar kerana di situ sudah ada penempatan masyarakat itu sebelum kedatangan mereka.

Bekas anak murid Hussein, Kapten (B) Bakhtiar Nawawi, 65, berkata keinginan orang Kampar mendalami ilmu keaga-



terletak
in.



KEDUDUKAN rumah yang rapat antara satu sama lain di Pondok Hussein menggambarkan begitu ramai penuntut tinggal di situ suatu ketika dulu.

las menunjukkan sistem
ok oleh Hussein diiktiraf



khthiar
ekas anak
murid

dibuka di atas tanah wakaf Tok Janggut, sekolah itu diserahkan untuk ditadbir oleh anak Tok Janggut, iaitu Omar," katanya.

Sekolah Agama Raudhatul Ulum kemudian diambil alih oleh kerajaan Kedah yang menukar namanya kepada Maktab Mahmud Pokok Sena yang kini terus gah menjadi sekolah agama terkenal dan berjaya melahirkan ramai pelajar berjaya. Walaupun Hussein tidak berjaya meneruskan pentadbiran oleh legasi keluarganya di situ, umum mengetahui dan mengakui bahawa beliau adalah pengasas kepada penubuhan sekolah itu.

Malah, dikatakan kerajaan Kedah sendiri mengiktiraf peranan Hussein dalam mengangkat pendidikan agama ke satu tahap tertinggi di Kedah. Ia turut berpunca daripada sokongan orang ramai yang bersedia membantu mendirikan pondok ketika pada mulanya Pondok Hussein ditubuhkan.

Dikatakan juga, orang sekitar dan dari Kampar berduyun-duyun mengunjungi pondok itu dan membina pondok mereka

sendiri semata-mata mahu belajar dengan Hussein kerana dikatakan mempunyai daya pemikiran dan pengetahuan ilmu agama tinggi selepas bukan saja belajar di Kedah, tetapi turut dikatakan pernah menjadi anak murid kesayangan Tok Kenali di Kelantan.

Oleh itu, ketika melawat kawasan asal pondok itu, dapat dilihat masih ada beberapa pondok yang masih kukuh, meskipun sudah tidak berpenghuni. Kedudukan pondok yang rapat antara satu sama lain menggambarkan begitu ramai penuntut tinggal di situ suatu ketika dulu.

"Penduduk pondok ketika itu hampir 1,000 orang. Paling ramai orang dari Kampar. Saya agak ada lebih 500 keluarga. Ia jelas menunjukkan sistem pondok oleh Hussein diiktiraf ramai orang bukan di Kedah saja, tapi seluruh negara. Saya boleh katakan, sumbangan orang Kampar dalam pendidikan dan agama di Kedah sangat meninggalkan kesan.

"Sebenarnya ada lagi beberapa pondok yang dibuka orang Kampar. Ada seba-

hagiannya di Padang Lumat dan Yan. Ada juga di Jitra, tapi tidak ramai yang tahu. Pondok Hussein sangat dikenali ramai. Pendek kata, jika ada kenduri di pondok itu, tidak ada kenduri lain sebesar dan seramai kenduri di situ," katanya.

Daripada maklumat dan tinjauan di Langgar didapati ternyata orang Kampar memberikan begitu banyak sumbangan dalam sistem pendidikan dan agama di Kedah. Malah, suasana di sekitar Pondok Tok Janggut dan Hussein, walaupun sudah tiada lagi sistem sekolah pondok, seolah-olah berada dalam satu perkampungan agama, tenang dan mendamaikan.

Kewujudan sebuah Maahad Tahfiz al-Quran Makam Diraja Langgar di situ dilihat seperti satu kesinambungan kepada sumber ilmu yang pernah tercetus di kawasan itu. Malah, dengan tersergam Maktab Mahmud di tepi jalan utama Pokok Sena turut menjadi saksi sumbangan orang Kampar kepada pendidikan di Kedah.

- Bersambung esok

Keperibadian Hussein pikat anak murid untuk berguru

SELAIN tegas menyampaikan dakwah dalam sistem pondoknya, Hussein Salleh yang mengasaskan Pondok Hussein di Langgar, Kedah dianggap terbuka serta berfikiran ke depan dalam penyampaian kuliahnya. Malah, keperibadian beliau begitu disenangi menyebabkan pondok itu mampu bertahan lama dan beliau sendiri mendapat pengiktirafan tinggi kerajaan Kedah dalam banyak perkara.

Bekas anak muridnya yang juga dianggap orang paling rapat kerana sering menjadi pemandu peribadi tidak rasmi tuan guru itu, Abdul Halim Jamil, 74, berkata keperibadian Hussein sangat disegani kerana tidak pernah terlepas memastikan ibadat penghuni pondok mengikut jadual.

"Setiap kali menjelang Subuh, Hussein pergi ke semua pondok dan lanjutkan penghuninya untuk solat Subuh. Boleh dikatakan itu rutin hariannya. Dia pusing seluruh kawasan pondok dan ingatkan mereka ke surau. Jika ada yang tidak ke surau hari sebelumnya, ia pasti disedari Hussein dan beliau akan bertanya apa sebabnya.

"Pendek kata, beliau begitu mengamibil berat dan menjaga kebajikan penghuni pondoknya. Pantang berselisih dengan sesiapa saja, pasti ditegur dan akan ada soalan diajukan. Tasbih tidak pernah lekang di tangan. Zikir sentiasa meniti di bibirnya.



Arfanuddin Hussein

la, kaedah istimewa Hussein menyampaikan ilmu begitu dikagumi kerana ketika kapal angkasa pertama mahu dilancarkan ke bulan membawa angkasawan Neil Armstrong, beberapa orang berasakan ia mustahil.

"Saya ingat lagi, ada seorang yang digelar Pak Dollah Tangkai Jering mengatakan mustahil roket itu boleh sampai di bulan kerana katanya, siapa boleh buka tujuh lapis langit kepada orang kafir, tetapi bagi Hussein dia menyatakan harus roket itu boleh sampai ke bulan.

“Ilmunya juga tinggi. Bukan sekadar menuntut di Kamar dan Makkah, beliau juga pernah belajar dengan Tok Kenali, menjadikan ilmu beliau begitu berharga untuk dikongsi ramai. Oleh itu, Pondok Haji Hussein dikunjungi orang seluruh negara. Bermula dari Perlis sampai ke Johor, ada pelajarnya.

“Saya sendiri sudah menetap di pondok ini sejak kecil. Mengenali Hussein, saya akui dia sangat garang dan tegas. Selalu juga dirotan jika ada yang tidak kena. Walaupun kami masih kanak-kanak, rutin ke surau tetap diambil berat beliau. Jika kami tidak ke surau, pasti ibu bapa kami akan ditanya. Iman yang menebal dalam dirinya buat kami berasa takut dan segan,” katanya yang masih kekal menetap di Pondok Hussein.

Menambahkan rasa hormat atas keperibadian Hussein ialah kemurahan hatinya membantu sesiapa saja yang dalam kesusahan. Jika ada orang susah dan tiada tempat tinggal, pasti ditawarkan untuk tinggal di pondok itu. Namun, disebabkan ketegasannya, sesiapa yang didapati tidak mematuhi peraturan pondok, terutama ke surau akan diminta keluar meninggalkan pondok.

Bagi Kapten (B) Bakhtiar Nawawi pu-

“Bagi Hussein, tidak kira Islam atau kafir, jika usahanya lebih, pasti akan dapat mencapai apa yang diusahakan. Itu yang menimbulkan rasa kagum kami kerana beliau berfikir lain daripada pendakwah lain berfikir. Oleh itu jugalah, ketika beliau mengajar, penghuni di pondok ini ada lebih 1,000 orang,” katanya.

Anak ketiga Hussein, Datuk Arfanuddin Hussein, berkata walaupun bapanya tegas dan memastikan ilmu agama dikuasai semua anaknya, beliau tidak pula menentukan sistem persekolahan bagaimana mesti diikuti mereka. Malah, ada anaknya menyambung pelajaran di sistem sekolah Inggeris.

“Ayah beri ruang kepada kami untuk buat keputusan sendiri mengenai masa depan. Namun, dalam hal keagamaan, beliau tegas. Sembahyang mesti jemaah di madrasah (surau). Ada juga abang saya yang dihantar belajar di Makkah dan ada ke Universiti Al-Azhar.

“Beliau juga sangat teliti dalam hal ekonomi. Semua urusan keluar masuk duit dicatat semuanya. Hidup kami tidaklah senang sangat, tetapi atas bantuan orang ramai, sistem pondok ini dapat digerakkan dengan sempurna,” katanya.

*Ilmunya juga tinggi.
Bukan sekadar menuntut di
Kamar dan Makkah, beliau
juga pernah belajar dengan
Tok Kenali, menjadikan
ilmu beliau begitu berharga
untuk dikongsi ramai*

Abdul Halim Jamil
Bekas anak murid

